

APLIKASI WARNA PADA HURUF VOKAL JAWI (ء, و, ا) DALAM PENULISAN SUKU KATA TERBUKA

Oleh

HALIZA BINTI OSMAN
yb_bos@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan penggunaan warna pada vokal Jawi. Selain itu, kajian ini juga bertujuan membantu murid Tahun Empat menulis suku kata terbuka jawi dengan menggunakan kaedah aplikasi warna pada huruf vokal jawi. Seramai tiga orang murid di salah sebuah sekolah sekitar bandar Kuching telah terlibat dalam kajian ini. Kajian ini memfokuskan kepada kemahiran menulis suku kata terbuka jawi menggunakan aplikasi warna huruf vokal jawi. Saya telah menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual serta Ujian Pra dan Ujian Pasca dalam mengumpul data. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa aplikasi warna pada huruf vokal jawi dapat membantu murid dalam penulisan suku kata terbuka. Aplikasi warna ini dapat menarik minat dan perhatian murid sekali gus merangsang perubahan tingkah laku positif murid terhadap pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan. Kesimpulannya, kaedah aplikasi warna pada huruf vokal jawi ini dapat meningkatkan kemahiran menulis suku kata terbuka dalam kalangan murid.

Kata Kunci : aplikasi, warna, vokal Jawi, kemahiran menulis dan suku kata terbuka

ABSTRACT

This study aims to help Year Four pupils in writing Jawi open syllables using the application of colours on the vowel. A total of three students from one of the schools in Kuching were involved in this study. This study focuses on the skills of writing Jawi open syllable using colours on the vowel. The researcher used the method of observation, interviews and Pre and Post tests to collect data. The results showed that the application of color on the vowels can help students in writing the open syllables. This colour application managed to attract students' interest and thus stimulating students' positive behavior towards the teaching and learning. In conclusion, the method of color application on Jawi vowels can improve their students in writing the open syllables.

Keywords: application, colour, Jawi vowels, writing open syllables skill

PENGENALAN

Konteks

Saya merupakan seorang guru pelatih semester 7 di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. Saya mengambil kursus Ijazah Sarjana Muda Perguruan Pengajaran Agama dan sekarang berada di tahun akhir pengajaran. Sebelum ini saya telah menjalani dua fasa praktikum di sekolah yang berlainan iaitu di SK Matang Jaya pada praktikun fasa pertama dan SK Rakyat Tupong pada fasa kedua.

Sepanjang menjalani praktikum di kedua-dua sekolah ini, saya telah berpeluang untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam dan Bahasa Arab bagi kelas tahap satu. Saya telah berpeluang untuk menimba sebanyak mungkin pengalaman dan ilmu dalam dunia pendidikan selama menjalani praktikum tersebut. Setiap ilmu dan pengalaman yang diperolehi ini akan saya manfaatkan seadanya sebagai persediaan awal sebelum menginjakkan kaki ke alam pekerjaan nanti.

Praktikum fasa ketiga saya telah ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Bulan (bukan nama sebenar). Saya telah diamanahkan untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun 4 Cemerlang dan Tahun 5 Gemilang. Murid dalam kelas Tahun 4 Cemerlang berjumlah seramai 28 orang manakala tahun 5 Gemilang terdiri daripada 37 orang murid. Murid-murid di sekolah ini ditempatkan dalam kelas mengikut tahap pencapaian semasa peperiksaan akhir tahun. Setelah empat minggu menjalani praktikum di sekolah ini, saya mendapati bahawa masih terdapat murid yang bermasalah membaca dan menulis Jawi walaupun sudah berada di Tahun Empat. Maka, saya memilih isu ini sebagai kajian tindakan bagi memenuhi kehendak sukatan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Institut Pendidikan Guru.

Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Jawi merupakan salah satu bidang major dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah. Semasa praktikum fasa 3, saya telah mengajar bidang jawi Tahun 4 tentang tajuk "Tanda Baca". Memandangkan praktikum fasa ketiga ini berlangsung pada semester pertama pembelajaran, maka masa yang diperuntukkan untuk jawi adalah satu jam (2 x 30 minit) seminggu.

Pada minggu kedua pengajaran dan pembelajaran, saya telah mengajar bidang Jawi tahun empat yang bertajuk "Tanda Baca". Berikut merupakan objektif pembelajaran Jawi bagi tajuk "Tanda Baca".

Jadual 1: Objektif Pembelajaran jawi : Tanda Baca

Aras	Objektif Pembelajaran
1	Murid dapat membaca ayat pendek dengan intonasi yang betul
2	Murid dapat menulis ayat pendek dengan menggunakan tanda baca dengan betul.

Semasa langkah pertama sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P), aktiviti yang dilakukan ialah membaca ayat pendek dengan intonasi yang betul. Saya mendapati murid berkemampuan membaca ayat pendek dengan intonasi yang betul berpandukan tanda baca yang terdapat dalam ayat pendek tersebut. Hal ini kerana berpandukan pengalaman sedia ada murid, mereka pernah belajar tentang tanda baca dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Di sini saya mendapati pengalaman lalu murid membantu mereka dalam memahami pelajaran yang disampaikan. Menurut pengamal teori konstruktivisme, mereka percaya bahawa persekitaran dan pengalaman lalu mampu mempengaruhi murid untuk membina pengetahuan baru.


Saya mendapati bahawa murid mampu membaca ayat pendek dengan intonasi yang betul berpandukan tanda baca yang juga telah mereka pelajari dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia sebelum ini. Hal ini menunjukkan bahawa murid mampu mengaitkan pengalaman lalu mereka untuk menjana pengetahuan baru seperti yang diutarakan oleh pengamal teori konstruktivisme. Saya mendapati bahawa objektif pembelajaran pada tahap satu ini berjaya dicapai kerana murid membaca ayat pendek dengan intonasi yang betul dengan bantuan guru.

Untuk langkah pengajaran yang kedua, saya memfokuskan kepada aktiviti membina ayat pendek menggunakan tanda baca yang betul. Semasa aktiviti menulis ayat pendek tersebut, saya mendapati bahawa terdapat beberapa orang murid yang mempunyai masalah dalam penggunaan huruf vokal Jawi (ي, و, ا) dalam mengeja perkataan yang mempunyai suku kata terbuka. Mereka keliru dalam penggunaan antara huruf alif, waw atau ya (ي, و, ا) dalam pembinaan suku kata terbuka. Saya ingin membuat sekali lagi penilaian tentang penggunaan huruf vokal Jawi (ي, و, ا) dalam kalangan murid-murid ini.


Maka, saya telah membuat satu aktiviti imlak di mana saya menyebut beberapa perkataan mudah yang terdiri daripada suku kata terbuka dan murid mengeja perkataan tersebut dalam tulisan Jawi. Di akhir pembelajaran, sekali lagi saya mendapati bahawa murid-murid ini menghadapi masalah dalam penggunaan huruf vokal Jawi (ي, و, ا) dalam membina suku kata khasnya suku kata terbuka. Oleh yang demikian, saya mengambil keputusan untuk membuat kajian tindakan tentang aplikasi warna bagi membantu murid mengenali serta memahami penggunaan vokal Jawi (ي, و, ا) dalam penulisan suku kata terbuka. Hal ini kerana pada pandangan saya, pembinaan perkataan yang mengandungi suku kata terbuka adalah asas kepada pembinaan perkataan lain yang lebih kompleks. Justeru, murid-murid ini seharusnya terlebih dahulu menguasai asas pembinaan perkataan bermula pada aras yang paling mudah sebelum melangkah ke fasa yang lebih sukar.

Fokus Kajian

Berdasarkan kepada pengalaman pengajaran dan pembelajaran bidang jawi yang lalu, saya mendapati bahawa Amir, Zakwan dan Hannan menghadapi masalah dalam menulis jawi khasnya dalam penulisan suku kata terbuka. Dapatkan awal saya perolehi melalui analisis hasil kerja murid semasa aktiviti menulis ayat pendek.




Rajah 1: Hasil Kerja Hannan



Zakwan tidak tahu penggunaan huruf vokal jawi

Rajah 2: Hasil Kerja Zakwan



Amir tidak mengenali huruf vokal jawi

Amir keliru antara huruf vokal jawi dan tanda baca al Quran

Rajah 3:Hasil Kerja Amir

Melihat kepada permasalahan ini, saya rasa bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah pembelajaran ini dengan kaedah aplikasi warna pada huruf vokal jawi dalam penulisan suku kata terbuka. Saya memilih fokus kajian ini berdasarkan kepada beberapa criteria penting iaitu kebolehtadbiran, kepentingan fokus, kebolehgunaan, kawalan, kolaborasi dan kerelevan kepada sekolah.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan penggunaan warna pada huruf vokal jawi dan membantu murid mengingati huruf vokal jawi dalam menulis suku kata terbuka jawi dengan menggunakan huruf vokal jawi (ي, و, ا) dengan betul.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan kajian yang berikut:

- Adakah penggunaan warna pada huruf vokal jawi (ي, و, ا) berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran membina suku kata terbuka Jawi?
- Adakah warna yang digunakan pada huruf vokal jawi (ي, و, ا) mampu membantu murid mengingat huruf vokal jawi (ي, و, ا) ?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Tempoh pelaksanaan penyelidikan tindakan ini adalah selama sebulan bermula pada 26 Mei 2012 hingga 20 Julai 2012. Untuk memulakan tindakan, saya telah menjalankan temu bual bersama murid untuk mengetahui tahap pengetahuan

mereka tentang huruf vokal jawi. Saya juga telah membuat pemerhatian dengan memfokuskan perubahan tinkah laku murid semasa proses p&p jawi berlangsung. Selain itu, saya juga telah menjalankan Ujian Pra menulis suku kata terbuka. Temu bual, pemerhatian dan Ujian Pra ini saya lakukan sebelum kaedah warna ini diperkenalkan. Data-data ini penting untuk saya membuat perbandingan pencapaian murid sebelum dan selepas kaedah aplikasi warna ini digunakan. Langkah seterusnya, saya memperkenalkan kepada murid apakah itu huruf vokal jawi dan perkaitannya dengan huruf vokal rumi.

Jadual 2 : Perkaitan antara Aksara Jawi dan Abjad Rumi

Bil	Aksara Jawi	Abjad Rumi
1	ا	A
2	و	O / U
3	ي	I

Kemudian, saya memperkenalkan kepada murid kaedah aplikasi warna pada huruf vokal jawi dalam penulisan suku kata terbuka dan menunjukkan spesifikasi warna bagi setiap huruf tersebut.

Jadual 3 : Spesifikasi Warna Huruf Vokal Jawi

Huruf	Simbol / aksara Jawi	Warna
Alif	ا	Merah
Waw	و	Hijau
Ya	ي	Biru

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, ransangan terhadap semua deria boleh memberikan kesan yang sangat mendalam dalam ingatan murid. Ini disebabkan oleh pancaindera melengakapi kekurangan dan mengukuhkan penanggapan sesuatu pancaindera yang lain. Maka, alat-alat yang menggunakan pelbagai pancaindera akan lebih mendatangkan kesan. Atan Long (1983) menyatakan bahawa pemgunaan alat yang menggunakan warna dan bentuk yang menarik lebih menarik perhatian. Menurut Jensen (2000), sebanyak 80 hingga 90 peratus maklumat yang diserap oleh otak adalah dalam bentuk visual. Mata kita boleh menerima atau mendaftar 36 000 mesej visual dalam tempoh masa sejam. Warna, cahaya, pergerakan, bentuk dan kegelapan menjadi asas yang mempengaruhi perhatian murid. persembahan berbentuk visual semasa sesi pengajaran dan pembelajaran mampu menarik minat dan perhatian murid. Sementara itu, saya telah mengagihkan satu set kad imbasan huruf vokal berwarna untuk setiap murid.



Rajah 4: Spesifikasi Warna Huruf Vokal Jawi

Kemudian, saya memberi bimbingan dan tunjuk ajar yang berterusan kepada murid dalam menggunakan kaedah ini. Di samping itu, saya juga telah memberikan peneguhan positif berupa kata-kata pujian, hadiah dan penganugerahan bintang bagi setiap perubahan tingkah laku positif dan peningkatan baik yang ditunjukkan oleh murid dalam pembelajaran. Peneguhan positif ini bertujuan untuk membina motivasi dan keyakinan diri individu murid. Untuk menguji keberkesanan kaedah aplikasi warna huruf vokal jawi ini, saya telah menjalankan pemerhatian, temu bual dan Ujian Pasca. Semasa Ujian Pasca dijalankan, murid tidak dibenarkan merujuk kad imbasan huruf vokal berwarna. Terdapat perubahan tingkah laku positif dalam kalangan murid selepas kajian dijalankan. Berlaku peningkatan minat, keyakinan dan pencapaian murid dalam Ujian Pasca.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Penyelidikan tindakan ini melibatkan saya sendiri sebagai peserta kajian dan tiga orang murid Tahun Empat Cemerlang. Ketiga-tiga peserta kajian ini berusia 10 tahun dan mempunyai masalah pembelajaran yang sama iaitu lemah dalam penulisan suku kata terbuka jawi.

Etika Penyelidikan

Sebagai seorang penyelidik, saya perlu berlaku jujur dalam setiap langkah penyelidikan yang diambil bagi memastikan tindakan saya mematuhi etika penyelidikan. Antaranya ialah dengan mengedarkan borang keizinan ibu bapa atau penjaga murid dan persetujuan murid sendiri untuk menyertai penyelidikan tindakan ini. Saya juga mendapatkan kebenaran semua pihak yang terlibat dalam penyelidikan ini sebelum menggunakan pendapat dan maklumat yang mereka berikan.

Teknik Pengumpulan Data

a) Pemerhatian

Saya telah menggunakan kaedah pemerhatian turut serta dalam menjalankan kajian tindakan ini. Menurut Mohd. Majid (2000), walaupun penyelidik mengikuti tingkah laku subjek, pengkaji tidak mempengaruhi subjek ke arah pembentukan tingkah laku tertentu. Seorang pemerhati yang berada di tempat peristiwa berlaku boleh melihat tingkah laku sebagaimana ia benar-benar berlaku dan mencatatkan yang menonjol bagi setiap tingkah laku subjek yang diperhatikan. Saya telah memerhatikan setiap perubahan tingkah laku Hannan, Zakwan dan Amir semasa sesi pengajaran dan pembelajaran bidang jawi berlangsung. Antara aspek yang

akan diperhatikan ialah sama ada bahan bantu mengajar (BBM) huruf vokal jawi berwarna yang digunakan mampu menarik minat dan perhatian mereka terhadap pengajaran dan pembelajaran jawi ataupun tidak. Setiap perubahan tingkah laku ini telah saya catatkan dalam nota lapangan.

b) Temu Bual

Saya telah menggunakan kaedah temu bual untuk mengumpul maklumat yang diperlukan. Temu bual adalah satu proses interaksi secara lisan yang berlaku antara penemu bual atau penemuduga bersama responden. Patton (1990) menyatakan bahawa temu bual yang baik adalah bersifat terbuka, pantas, perasaan, ilmu dan maklumat serta pengalaman bukan sahaja dirasai oleh penemuduga tetapi juga oleh responden. Semasa proses temu bual, saya telah menjalankan pendekatan ini dalam bentuk temu bual berkelompok. Saya telah mencatat setiap respon dan jawapan yang diberikan oleh murid.

c) Ujian Pra dan Ujian Pasca

Ujian Pra adalah ujian yang telah saya lakukan sebelum kaedah aplikasi warna pada huruf vokal jawi dalam penulisan suku kata terbuka diperkenalkan. Ujian ini dilakukan bagi mengetahui tahap pengetahuan murid tentang huruf vokal jawi dan penggunaannya dalam penulisan suku kata terbuka. Untuk mengetahui tahap keberkesanannya aplikasi warna huruf vokal jawi dalam penulisan suku kata terbuka ini, saya telah menjalankan Ujian Pasca. Kedua-dua soalan ujian ini distrukturkan dalam bentuk ujian subjektif di mana murid perlu menulis jawapan tanpa disediakan pilihan jawapan. Saya telah menyediakan 5 soalan dalam ujian Pra dan Ujian Pasca dengan peruntukan markah 20% bagi setiap soalan. Markah keseluruhan untuk ujian ini adalah 100%. Setiap jawapan yang betul mendapat markah sebanyak 20%.

Teknik Analisis Data

a) Pemerhatian

Setiap perubahan tingkah laku murid telah saya catatkan dalam nota lapangan.

Tarikh : Masa : Tempat : Kelas 4 Cemerlang Catatan : ..berebut @ bersaing dengan kawan-kawan yang lain untuk menjawab soalan..berusaha membetulkan jawapan rakan yang salah	Perubahan tingkah laku murid selepas kaedah diperkenalkan dikenalpasti
--	--

Rajah 5: Nota Lapangan

b) Temu bual

Setiap respon dan jawapan murid semasa temu bual dijalankan telah dicatatkan dalam nota lapangan dalam bentuk transkrip temu bual.

P : baiklah..soalan terakhir ustazah..cam ne? best sik belajar mun huruf jawi tok ada warna-warna? A : aok ustazah..saya suka..senang nak ingat Z : bera-bera..mun tengok wana biru lu ingat huruf waw..kacang jak ya ustazah..hehe P: aisee..suka hati Zakwan ya..awak Hannan? H : saya pun sama ustazah..senang jak ingat mun ada warna..alu best belajar jawi..	Peningkatan minat murid selepas kaedah aplikasi warna diperkenalkan dikenalpasti
---	--

Rajah 6: Transkrip Temu Bual

c) Ujian Pra dan Ujian Pasca

Setelah ujian dijalankan, saya telah menganalisis markah ketiga-tiga peserta kajian. Hasil analisis markah dipersembahkan dalam bentuk jadual yang mengandungi jumlah markah peserta, peratus markah dan gred markah. Berikut adalah rumus yang digunakan dalam menganalisis markah peserta.

Markah peserta	$\times 100 = \text{_____}\%$
_____ Markah penuh	

Markah murid kemudian digred berpandukan Spesifikasi Penentuan Gred Ujian Pra dan Ujian Pasca.

Jadual 4: Spesifikasi Penentuan Gred Ujian Pra dan Ujian Pasca

Markah	Gred
80 – 100	A
60 – 79	B
40 – 59	C
20 – 39	D
0 – 19	E

Kemudian saya membuat perbandingan markah kedua ujian tersebut untuk mendapatkan julat perbezaan markah. Markah peserta kajian juga turut dianalisis dalam min markah berdasarkan kepada rumus yang berikut:

Min =	Markah semua peserta _____ Jumlah peserta
-------	---

Teknik Semak Data


Saya telah menggunakan dua kaedah menyemak data iaitu triangulasi kaedah dan triangulasi penyelidik. Untuk triangulasi kaedah saya telah menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan Ujian Pra dan Pasca untuk memastikan kreadibiliti dan kerelevan data yang saya kumpul. Saya juga telah berkolaborasi dan meminta bantuan daripada rakan sepraktikum sebagai triangulasi penyelidik.

REFLEKSI


Refleksi Dapatan

Adakah penggunaan warna pada huruf vokal Jawi (ء، ى، ی) menarik minat murid dalam pengajaran dan pembelajaran membina suku kata terbuka jawi?

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan warna pada huruf vokal Jawi (ء، ى، ی) mampu menarik minat murid untuk melibatkan diri dalam pengajaran dan pembelajaran membina suku kata terbuka jawi. Saya telah menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual dalam menjawab persoalan kajian ini.



Rajah 7: Pemerhatian Perubahan Tingkah Laku Amir



Rajah 8: Transkip Temu Bual Tentang Minat Peserta Kajian Untuk Menyertai Pengajaran dan Pembelajaran Jawi

Kesimpulannya, saya mendapati bahawa berlaku perubahan pada tingkah laku dan minat peserta kajian terhadap pengajaran dan pembelajaran jawi selepas saya memperkenalkan aplikasi warna pada huruf vokal jawi dalam penulisan suku kata terbuka. Penggunaan warna pada huruf vokal tersebut dapat membantu peserta kajian untuk mengingati penggunaan huruf vokal dengan mudah dalam menulis suku kata terbuka. Motivasi peserta kajian turut meningkat apabila mereka mulai meminati pelajaran jawi lantaran mereka mampu memahami pembelajaran yang disampaikan berbanding sebelum kajian ini dijalankan.


Adakah penggunaan warna yang digunakan pada huruf vokal jawi (ء، و، ا) mampu membantu murid mengingat huruf vokal Jawi (ء، و، ا) ?

Setelah aplikasi warna pada huruf vokal jawi dalam penulisan suku kata terbuka diperkenalkan, saya mendapati bahawa kajian ini membantu peserta kajian dalam mengingati huruf vokal jawi sekali gus mereka memahami penggunaannya dalam menulis suku kata terbuka jawi. Kaedah yang telah saya perkenalkan ini memberikan kesan positif dalam diri murid dalam memahami pengajaran dan pembelajaran jawi. Dalam menjawab persoalan kajian yang kedua ini saya telah menggunakan instrumen Ujian Pra dan Ujian Pasca untuk mengetahui tahap peningkatan pencapaian peserta kajian. Analisis data perbandingan Ujian Pra dan Ujian Pasca ditunjukkan dalam jadual 5 dan dipersembahkan dalam Rajah 9.

Jadual 5: Analisis Perbandingan Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca Menulis Suku Kata Terbuka Jawi

Peserta Kajian	Ujian Pra (%)	Gred	Ujian Pasca (%)	Gred
Amir	20	D	60	B
Zakwan	40	C	80	A
Hannan	60	B	100	A

Berdasarkan kepada jadual di atas saya mendapati berlaku peningkatan kefahaman peserta kajian dalam menulis suku kata terbuka jawi selepas aplikasi warna pada huruf vokal jawi diperkenalkan. Analisis keputusan Ujian Pasca menunjukkan peningkatan pencapaian peserta kajian dalam menulis suku kata terbuka jawi. Keputusan Ujian Pasca menunjukkan Amir mendapat 60% markah, Zakwan 80% dan Hannan mendapat 100%. Peningkatan pencapaian yang memuaskan ini menunjukkan bahawa aplikasi warna pada huruf vokal jawi membantu peserta kajian menulis suku kata terbuka dengan lebih baik. Dalam Ujian Pasca ketiga-tiga peserta kajian telah berjaya melepassi tahap gred lulus iaitu Amir mendapat gred B, Zakwan dan Hannan mendapat gred A.



Rajah 9: Graf Perbandingan Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca menulis suku kata terbuka jawi

Peningkatan pencapaian markah para peserta ini sangat jelas ditunjukkan dalam rajah di atas. Ini membuktikan bahawa penggunaan aplikasi warna pada huruf vokal jawi membantu peserta kajian dalam meningkatkan kemahiran menulis suku kata terbuka jawi.

Jadual 6: Julat Perbezaan Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca Menulis Suku Kata Terbuka Jawi

Peserta Kajian	Ujian Pra (%)	Ujian Pasca (%)	Julat (%)
Amir	20	60	40
Zakwan	40	80	40
Hannan	60	100	40

Dapatan kajian ini juga dapat dilihat melalui jadual julat perbezaan markah Ujian Pra dan Ujian Pasca menulis suku kata terbuka jawi. Julat perbezaan markah ini jelas menunjukkan bahawa berlaku peningkatan pencapaian peserta kajian setelah kaedah aplikasi warna huruf vokal diperkenalkan.

Jadual 7: Min Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca

Jenis Ujian	Min
Ujian Pra	40
Ujian Pasca	80

Min markah bagi Ujian Pra adalah 40 dan min markah ini telah meningkat sebanyak dua kali ganda kepada 80 pada Ujian Pasca. Perbezaan min markah yang ketara antara Ujian Pra dan Ujian Pasca ini membuktikan bahawa kaedah aplikasi warna pada vokal jawi membantu peserta kajian untuk menulis suku kata terbuka jawi dengan lebih baik.

Kesimpulannya, berdasarkan dapatan kajian yang telah diperolehi ternyata kaedah aplikasi warna huruf vokal jawi dapat membantu peserta kajian dalam menulis suku kata terbuka jawi. Selain daripada bimbingan dan tunjuk ajar berterusan yang diberikan, kajian juga membuktikan bahawa penggunaan warna pada bahan bantu mengajar (BBM) dan bahan bantu belajar (BBB) dapat menarik minat, perhatian murid serta merangsang perubahan tingkah laku positif murid terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Hasil kajian mendapati berlaku perbezaan suasana pengajaran dan pembelajaran sebelum dan selepas saya memperkenalkan kaedah aplikasi warna huruf vokal dalam penulisan suku kata terbuka. Melalui pemerhatian, sebelum kaedah ini diperkenalkan saya mendapati bahawa suasana pengajaran dan pembelajaran kurang ceria dan tidak wujud persaingan yang ketara dalam kalangan peserta kajian. Mereka juga kelihatan tidak berkeyakinan untuk menjawab soalan yang diajukan.

Walau bagaimanapun, selepas kaedah aplikasi warna huruf vokal dalam penulisan suku kata jawi ini diperkenalkan, terdapat perubahan positif yang ditunjukkan oleh peserta kajian. Respon yang positif ditunjukkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran apabila mereka saling bersaing untuk tampil di hadapan kelas untuk menjawab soalan. Murid lebih seronok dan terlibat secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan.

Semasa membuat latihan pula, peserta kajian dilihat mampu membantu rakan yang lain untuk melengkapkan lembaran kerja yang dibekalkan oleh guru. Perubahan-perubahan tingkah laku dan peningkatan minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran jawi ini adalah hasil pembinaan motivasi dalam diri murid setelah berupaya memahami pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan. Glasser (1993), berpendapat bahawa guru boleh meningkatkan mutu pengajaran melalui cara memberikan galakan kepada murid untuk memberikan yang terbaik. Bimbingan dan bantuan daripada guru amat penting bagi murid supaya mereka dapat memberikan usaha dan hasil yang terbaik. Keadaan ini mungkin mengambil masa tetapi guru perlu berusaha untuk mendapatkan yang terbaik daripada murid-muridnya.

Pengalaman menjalankan kajian tindakan ini juga memberikan saya peluang untuk membaiki amalan profesional dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran merupakan elemen penting yang harus diteliti sebelum memulakan suatu sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana kaedah dan teknik yang sesuai dengan tahap pemikiran dan selari dengan minat murid akan memudahkan guru untuk menyampaikan isi pembelajaran dengan baik.

Sepanjang tempoh melaksanakan kajian ini, saya yakin dan percaya bahawa kejayaan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran ini juga berkait rapat dengan daya kreativiti dan sensitiviti seseorang guru. Dalam usaha mencapai setiap objektif pembelajaran, guru dituntut untuk berdaya fikir yang kreatif dalam memilih teknik pengajaran dan menghasilkan bahan bantu mengajar (BBM) dan bahan bantu belajar (BBB) yang menarik serta mampu merangsang minda murid.

Hal ini terbukti apabila dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan warna pada huruf vokal jawi mampu menarik perhatian dan minat murid untuk menyertai aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan lebih aktif. Selain daripada itu, guru juga harus peka terhadap setiap perubahan tingkah laku murid sama ada perubahan negatif mahu pun positif. Setiap perubahan negatif hendaklah ditangani dengan bijak seperti memberikan teguran secara lembut dan membimbing murid tersebut dari semasa ke semasa. Manakala perubahan yang positif sama ada dari segi tingkah laku atau pencapaian murid dalam pelajaran haruslah diiringi dengan

kata-kata pujian, penganugerahan bintang dan hadiah sebagai medium untuk meningkatkan keyakinan dan motivasi dalam diri individu murid tersebut.

Semasa menjalankan kajian ini, saya juga telah menggunakan beberapa kaedah pengumpulan data iaitu perhatian, temu bual dan Ujian Pra dan Ujian Pasca. Semasa temu bual berlangsung, peserta kajian telah memberikan jawapan yang tulus dari hati mereka. Semasa diajukan soalan mereka tidak teragak-agak untuk menjawab persoalan tersebut. Situasi ini berlaku selepas saya memperkenalkan kaeah aplikasi warna huruf vokal tersebut. Berbeza dengan suasana temu bual yang dilakukan sebelum kaedah diperkenalkan, peserta kajian agak tersipu-sipu malu untuk memberikan jawapan masing-masing. Saya beranggapan bahawa mereka masih belum mempunyai keberanian dan keakinan diri untuk menyatakan pandangan dan idea masing-masing.

Setelah saya mendekati dan memberi bimbingan yang berterusan kepada peserta kajian ini, mereka mulai menampakkan keyakinan diri untuk bersuara sama ada untuk bertanya soalan atau menjawab persoalan yang diutarakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Secara keseluruhannya saya mendapati bahawa keberkesanan kaedah yang diperkenalkan dalam kajian ini turut dipengaruhi oleh beberapa faktor lain seperti keprihatinan guru mendekati dan membimbing murid dari semasa ke semasa serta pemilihan kaedah dan teknik yang bertepatan dengan jiwa dan minat murid. di samping itu, dorongan dari dalam diri murid atau motivasi dalaman individu murid juga mempengaruhi kehendak mereka untuk terlibat aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan. Justeru itu, sebagai seorang bakal guru, saya harus mempertimbangkan pelbagai aspek yang menjadi tonggak kepada kejayaan anak didik dalam pelajaran mereka terutamanya dari aspek amalan pedagogi yang saya amalkan haruslah diperbaiki dari semasa ke semasa.

Cadangan Tindakan dan Penambahbaikan

Selepas kajian ini dijalankan, saya akan meneruskan aplikasi warna huruf vokal pada jawi dalam penulisan suku kata terbuka jawi. Hal ini kerana berdasarkan kepada dapatan kajian, kaedah ini mampu menarik perhatian murid dan membantu mereka meningkatkan kemahiran dalam penulisan suku kata terbuka jawi. Pada pendapat saya, murid harus berjaya menguasai penulisan suku kata terbuka ini kerana ini merupakan tahap permulaan sebelum mereka memahami penulisan suku kata tertutup. Sekiranya mereka gagal untuk menguasai tahap pertama ini, maka agak sukar untuk mereka mempelajari tahap yang seterusnya. Di sini saya ingin mengutarkan beberapa cadangan penambahbaikan dari aspek kaedah pengumpulan data dan bahan yang digunakan dalam menjalankan kajian ini pada masa yang akan datang.

a) Kaedah pengumpulan data

Dalam kajian ini saya telah menggunakan temu bual sebagai salah satu kaedah pengumpulan data kajian. Temu bual yang dijalankan adalah temu bual berstruktur di mana peserta kajian hanya menyatakan pendapat berdasarkan kepada soalan yang diajukan tanpa berpeluang untuk memberikan pandangan di luar lingkup skop soalan. Tambahan pula, temu bual ini dilakukan secara serentak kepada ketiga-tiga peserta kajian pada waktu dan tempat yang sama. Hal ini membuatkan

peserta kajian lebih memberikan jawapan yang sama dengan rakan lain. Saya mencadangkan supaya temu bual hendaklah dilakukan secara individu agar peserta kajian dapat memberikan jawapan yang tulus dari hati mereka sendiri tanpa dipengaruhi oleh jawapan rakan yang lain. Perkara ini haruslah dititik beratkan kerana setiap jawapan atau respon yang diberikan oleh peserta kajian akan mempengaruhi daptan kajian yang dilakukan.

b) Bahan kajian

Semasa melaksanakan kajian ini, saya telah menggunakan kad imbasan huruf vokal jawi yang berwarna sebagai bantu mengajar (BBM) yang asas. Huruf-huruf vokal ini telah diwakili dengan warna yang berbeza bagi merangsang ingatan peserta kajian. Setiap kali menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran saya akan membawa kad imbasan ini dan diagihkan kepada setiap peserta kajian kecuali semasa Ujian Pasca dijalankan. Semasa mengagihkan kad imbasan ini, kadang-kadang ada kad yang tercicir atau tertinggal di bilik guru. Sedikit masa telah dibazirkan untuk mendapatkan semula kad ini. Maka, saya mencadangkan agar penggunaan kad imbasan ini ditukarkan kepada bentuk jadual dan hanya dimuatkan dalam sehelai kad. Ini akan lebih memudahkan guru untuk mengedarkannya dan juga memudahkan murid untuk menyimpan jadual tersebut. Diharapkan semoga cadangan penambah baikan ini akan membantu dan memudahkan lagi pengkaji akan datang untuk melakukan kajian dalam bidang jawi ini khasnya.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kaedah aplikasi warna huruf vokal jawi ini dapat membantu peserta kajian dalam meningkatkan kemahiran menulis suku kata terbuka jawi. Hasil daripada dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan warna pada huruf vokal jawi ini mampu merangsang ingatan, minat sekali gus menggalakkan perubahan tingkah laku peserta kajian untuk melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran jawi yang disampaikan. Sebagai guru, kita juga seharusnya sering berdampingan bersama murid untuk memastikan mereka mendapat bimbingan dan tunjuk ajar yang berterusan dalam masalah pembelajaran yang mereka alami. Dalam masa yang sama, galakkan daripada guru juga penting dalam membina motivasi dalam diri individu murid. Penghargaan berupa kata-kata pujian, hadiah dan penganugerahan bintang juga dapat menaikkan semangat murid untuk terlibat secara aktif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran sekali gus membawa kepada perubahan tingkah laku positif murid.

RUJUKAN

- Ahmad Fadzli Fauzi (2009), *Bagaimana Meransang Seronok Belajar*. Kuala Lumpur :PTS Professional.
- Ahmad b. Mohd Salleh (1995), *Pendidikan Islam (Dinamika Guru)* Shah Alam : Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Amat Juhari Moain (1996). *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Choong Lean Keow (2008). *Siri Pendidikan Perguruan: Murid Dan Alam Belajar*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Dalilah Binti Desa. (2006). *Meningkatkan Penguasaan Kemahiran Menulis Jawi Dan Mengenal Huruf Tunggal Jawi Yang Boleh dan Tidak Boleh Disambung Dengan Kaedah Dalil Avu Zar Zad*. SK. Bukit Kalam W.P Labuan

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1999). *Daftar Ejaan Rumi Jawi*. Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Selangor Darul Ehsan: Dawama Sdn Bhd
- Glasser, W. (1993). *The Quality School Teacher*. New York: Harper Collins.
- Haliza Hamzah, Joy Nesamalar Samuel (2008). *Pengurusan Bilik Darjah Dan Tingkah Laku*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar Sdn. Bhd
- Hashim Hj Musa dan Adi Yasran Abdul Aziz. (2009) *Pemerkasaan Kembali Tulisan Jawi. Jurnal*. Kuala Lumpur : ASWARA
- Ismail Abbas, Fadzillah Mustapa (2007). *HBIS 1103 Pengenalan Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : UNITEM Sdn. Bhd.
- Jensen, E. (2000). *Brain-Based Learning: The New Science of Teaching and Training* (Ed. Semakan semula). San Diego, USA: The Brain Store
- Kamarudin Bin Hj. Husin. (1993). *Pedagogi 3. Penggunaan Psikologi dalam Bilik Darjah*. Petaling Jaya: Longman.
- Lim Keat Heng (2000). *Pungutan Data Kualitatif melalui Pemerhatian*. Kertas disampaikan pada Kursus Pendek Kelolaan Maktab "Pemerhatian Koperatif berasaskan Kajian Tindakan", Jun 2000. Kota Samarahan: Maktab Perguruan Samarahan, Sarawak.
- Mok S.S. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mohd Zaini Bin Yahya. (2004). *Buku Panduan Guru Pendidikan Islam Tahun Lima*. Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Endut. (1992). *Pendidikan Islam KBSM: Satu Kajian Tentang Masalah Pengajaran di Sekolah-Sekolah di Negeri Johor*. Tesis M. Ed., Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Musa Bin Daia. (1992). *Kaedah Dan Teknik Pengajaran*. Johor Bharu: Badan Bookstore Sdn Bhd.
- Mustapha Yazid. (1991). *Penguasaan Jawi di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Kelantan: Satu Kajian Khusus di Daerah Kota Bharu*. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.